

Kabinet :

4 hari

Oleh
**ZAINUDDIN
AYIP**

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

tokoh muda

KUALA LUMPUR, Khamis — Empat menteri, lima timbalan menteri dan lima setiausaha Parlimen baru dilantik dalam rombakan kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menteri-menteri itu ialah Encik Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Dr James Ongkili (Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Datuk Chin Hon Ngian (Menteri Kesihatan) dan Datuk Shahrir Abdul Samad (Menteri Wilayah Persekutuan).

Lima timbalan menteri, termasuk tiga muka baru ialah Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai (Jabatan Perdana Menteri), Ahli Parlimen Alor Setar, Encik Oo Gin Sun (Perdagangan dan Perindustrian), Ahli Parlimen Keningau, Encik Ahmad Shah Tambakau (Wilayah Persekutuan), Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Radzi Sheikh Ahmad (Jabatan Perdana Menteri) dan Setiausaha Parlimen Luar Negeri, Encik Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir (Luar Negeri).

Empat setiausaha Parlimen yang dilantik, semuanya muka baru ialah Ahli Parlimen Dungun, Encik Awang Jabbar (Jabatan Perdana Menteri), Ahli Parlimen Petaling, Encik Yeoh Poh San (Kesihatan), Ahli Parlimen Gerik, Encik Tabal Rosli Tan Sri Ghazali (Pembangunan Negara dan Luar Bandar) dan Ahli Parlimen Seri Gading, Encik Mustafa Mohamad (Kebudayaan, Belia dan Sukan).
Datuk Seri Dr Mahathir mengumumkan demikian dalam satu sidang akhbar khas di pejabatnya di Bangunan Parlimen yang turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman.

Pengumuman tepat pada jam 12.00 tengah hari itu disiarkan secara

langsung oleh Radio Malaysia.

Sebelum itu, beliau menyebarkan senarai kabinet baru kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara untuk diperkenankan.

Perdana Menteri berkata, rombakan kali ini tidak begitu besar, sebaliknya berasaskan pertukaran jawatan beberapa menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen baru-baru ini.

Menteri-menteri yang meletakkan jawatan ialah Datuk Lee San Choon (Pengangkutan), Datuk Mokhtar Hashim (Kebudayaan, Belia dan Sukan), Datuk Haji Mohd Nasir (Jabatan Perdana Menteri) dan Datuk Pengiran Othman Rauf (Wilayah Persekutuan).

Timbalan Menteri yang meletakkan jawatan ialah Datuk Lew Sij Hon (Perdagangan dan Perindustrian) dan Datuk Clarence E. Mansul (Tenaga, Telekom dan Pos), manakala Setiausaha Parlimen pula ialah Datuk Lee Eooh Peng (Kesihatan).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pertantikan menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen baru adalah setelah mengambil kira keadaan parti-parti anggota Barisan Nasional, kawasan-kawasan pilihanraya dan kebolehan peribadi tokoh-tokoh itu.

Bertukar

"Kerana sekatan-sekatan ini, maka rombakan kali ini bukan radikal, tetapi biasa sahaja", jelas beliau lagi.

Dalam rombakan itu, 19 menteri terus mengekalkan jawatan masing-masing yang disandang sejak tahun lalu.

Senarai penuh barisan kabinet baru itu disiarkan di Muka Dua.

Hanya Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan sahaja ditukarkan kepada Kementerian Pengangkutan. Tempat beliau diambil alih oleh Datuk Chin Hon Ngian yang sebelum ini Timbalan Menteri Pertanian.

Encik Anwar Ibrahim dinaikkan pangkat dari Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengambil alih tempat Datuk Mokhtar Hashim yang meletakkan jawatan.

Datuk Shahrir pula dinaikkan pangkat dari Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian kepada Menteri Wilayah Persekutuan menggantikan Datuk Pengiran Othman Rauf yang juga meletakkan jawatan.

Manakala Datuk Dr James Ongkili (Timbalan Ketua Menteri Sabah) dibawa ke peringkat Pusat untuk mengijai jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang diosongkan oleh Datuk Haji Mohd Nasir.

Timbalan Menteri yang ditukarkan portfolionya ialah Datuk Haji Suhaimi (dari Jabatan Perdana Menteri ke Tenaga Telekom dan Pos), Dr Goh Cheng Tek (dari Jabatan Perdana Menteri ke Pertanian) dan Haji Muhyiddin Mohd Yassin (dari Kementerian Wilayah Persekutuan ke Perdagangan dan Perindustrian).



TIGA Timbalan Menteri baru mengangkat sumpah jawatan dan menyimpang rahsia di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, petang tadi.
Mereka dari kiri ialah Datuk Lee Kim Sai (Jabatan Perdana Menteri), Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Luar Negeri) dan Encik Radzi Sheikh Ahmad (Jabatan Perdana Menteri). — Gambar Berita Harian.